

Lampiran 1

Petikan peruntukan Akta Hakcipta 1987:

Seksyen 3:

“bentuk bahan”, berhubung dengan suatu karya atau suatu karya terbitan, termasuklah apa-apa bentuk penyimpanan (sama ada boleh dilihat atau tidak) yang daripadanya karya atau karya terbitan itu, atau sebahagian besar daripada karya atau karya terbitan itu boleh dikeluarkan semula;

“penetapan” bererti pengandungan bunyi, gambaran atau kedua-duanya, atau perlambangannya, dalam bentuk bahan yang cukup kekal atau tetap untuk membolehkan bunyi, gambaran, atau kedua-duanya didengar atau dilihat, dikeluarkan semula atau selainnya disampaikan sepanjang tempoh lebih daripada jangka masa sementara;

“Karya sastera” termasuklah:

- a) novel, cerita, buku, risalah, manuskrip, karya syair dan penulisan lain;
- b) lakunan, drama, arahan pentas, senario filem, skrip siaran, karya koreografi dan pantomin;
- c) treatis, sejarah, biografi, karangan dan artikel;
- d) ensiklopedia, kamus dan karya rujukan lain;
- e) surat, laporan dan memorandum;

- f) syarahan, ucapan, khutbah dan karya-karya lain yang sama sifatnya;
- g) jadual atau penyusunan, sama ada atau tidak dinyatakan dalam perkataan, angka, atau simbol sama ada dalam bentuk yang tampak; dan
- h) program-program komputer atau penyusun program-program komputer tetapi tidak termasuk teks rasmi kerajaan atau badan-badan berkanun, yang bersifat perundangan atau peraturan, ataupun keputusan-keputusan kehakiman.

tetapi tidak termasuk teks rasmi Kerajaan atau badan-badan berkanun, yang bersifat perundangan atau peraturan, atau keputusan-keputusan kehakiman;

“Karya seni” ertinya:

- a) karya grafik, fotograf, seni ukir atau kolaj, tanpa mengira kualiti seni;
- b) karya seni bina dalam bentuk bangunan atau model bagi bangunan; atau
- c) karya pertukangan seni

“Karya grafik” termasuk:

- a) apa-apa lukisan cat, lukisan, rajah, peta, carta atau pelan; dan

- b) apa-apa ukiran pahat, esing, litograf, ukiran kayu atau karya seumpamanya.

“Fotograf” ertinya suatu perekodan cahaya atau sinaran lain pada apa-apa bahantara yang padanya suatu imej dihasilkan atau yang daripadanya suatu imej boleh dihasilkan dengan apa cara juga, dan yang bukan sebahagian daripada filem.

“Filem” ertinya apa-apa penetapan sesuatu siri gambaran pandangan pada bahan daripada apa-apa perihalan, sama ada lut cahaya atau tidak, supaya dengan menggunakan bahan itu, dengan atau tanpa apa-apa bantuan sesuatu perekaan, boleh:

- a) ditunjukkan sebagai gambar bergerak; atau
- b) dirakamkan pada bahan-bahan lain, sama ada lut cahaya atau tidak, supaya dengan menggunakan bahan itu, ia boleh ditunjukkan sedemikian, dan termasuklah bunyi yang terkandung dalam sesuatu alur bunyi yang berkaitan dengan sesuatu filem.

“Rakaman bunyi” ertinya apa-apa penetapan siri bunyi yang boleh didengar dan boleh dikeluarkan semula dengan apa-apa cara tetapi tidak termasuk alur bunyi yang berkaitan dengan sesuatu filem.

“Siaran” ertinya pemancaran melalui wayar atau wayarles (tanpa wayar), akan imej tampak, bunyi atau maklumat lain yang:

- a) boleh diterima dengan sah oleh orang awam; atau
- b) dipancarkan bagi persembahan kepada orang awam, dan termasuklah pemancaran isyarat penyulitan (*encrypted signal*) jika cara untuk penyahsulitan (*decrypting*) disediakan kepada orang awam oleh perkhidmatan penyiaran atau dengan persetujuannya.

“Siaran semula” ertinya siaran serentak atau siaran kemudian oleh satu perkhidmatan penyiaran akan siaran suatu perkhidmatan penyiaran lain, sama ada terletak dalam Malaysia atau di luar negeri dan termasuk penyebaran siaran itu melalui wayar, dan “penyiaran semula” hendaklah ditafsirkan sewajarnya;

“Penyesuaian” termasuklah mana-mana yang berikut, iaitu:

- a) berhubung sesuatu karya sastera, suatu versi karya itu (sama ada dalam bahasa asalnya atau dalam bahasa lain) dalam mana karya itu ditukar menjadi karya drama;
- b) berhubung sesuatu karya drama, suatu versi karya itu (sama ada dalam bahasa asalnya atau dalam bahasa lain) dalam mana karya itu ditukar menjadi karya sastera;
- c) berhubung sesuatu karya sastera atau drama:

- i) suatu terjemahan karya itu;
- ii) suatu versi karya dalam cerita atau gerak geri disampaikan keseluruhannya atau sebahagian besarnya melalui gambar dalam suatu bentuk yang sesuai untuk pengeluaran semula dalam buku, suratkhbar, majalah atau majalah berkala yang seumpamanya;
- d) berhubung sesuatu karya sastera dalam bentuk program komputer, suatu versi karya itu, sama ada dalam bahasa, kod atau tatatanda dalam mana karya itu dilahirkan pada asalnya yang bukannya suatu pengeluaran semula karya itu;
- e) berhubung sesuatu karya muzik, suatu gubahan atau transkripsi karya itu;
- f) berhubung sesuatu karya sastera atau seni, suatu versi karya itu (sama ada dalam bahasa asalnya atau dalam bahasa lain) dalam mana karya itu ditukar menjadi filem.

“Orang yang berkeelayakan”:

- a) berhubung seseorang individu, bererti seorang warganegara Malaysia atau seorang pemastautin tetap di Malaysia; dan
- b) berhubung sesuatu pertubuhan perbadanan bererti pertubuhan perbadanan yang ditubuhkan di Malaysia dan diperbadankan atau diberikan keperibadian undang-undang di bawah peruntukan undang-undang Malaysia.

Seksyen 4: Penerbitan

(1) Tertakluk kepada seksyen ini, bagi maksud Akta ini:

- (a) sesuatu karya sastera, muzik atau seni atau sesuatu edisi karya tersebut disifatkan sebagai telah diterbitkan hanya jika satu atau beberapa salinan karya itu telah disediakan dengan persetujuan penciptanya atau mana-mana orang yang secara sah menuntut di bawah nama penciptanya, dengan cara yang mencukupi untuk memenuhi keperluan awam yang munasabah, sama ada melalui jualan atau sebaliknya;
- (b) sesuatu filem disifatkan telah diterbitkan hanya jika satu atau beberapa salinan filem itu telah dijual, disewakan atau ditawarkan atau didedahkan untuk jualan atau sewaan, dengan persetujuan penciptanya atau mana-mana orang yang secara sah menuntut di bawah nama penciptanya, dengan cara yang mencukupi untuk memenuhi keperluan awam yang munasabah;
- (c) sesuatu rakaman bunyi hendaklah disifatkan telah diterbitkan hanya jika satu atau beberapa salinan rakaman bunyi telah disediakan dengan persetujuan penciptanya atau mana-mana orang yang secara sah menuntut di bawah nama penciptanya, dengan cara yang mencukupi untuk memenuhi keperluan awam yang munasabah;
- (d) suatu persembahan secara langsung disifatkan telah diterbitkan hanya jika satu atau beberapa salinan rakaman

persembahan secara langsung itu telah disediakan dengan persetujuan pelaku atau pihak yang membuat persembahan, dengan cara yang mencukupi untuk memenuhi keperluan awam yang munasabah.

Seksyen 4(2):

Bagi maksud Akta ini, pertunjukan sesuatu karya sastera atau muzik dan pameran sesuatu karya seni tidak boleh dikira sebagai suatu penerbitan karya tersebut.

Seksyen 4(3):

Bagi maksud Akta ini, sesuatu penerbitan hendaklah disifatkan sebagai penerbitan pertama di Malaysia jika:

- a) karya atau persembahan secara langsung itu mula-mulanya diterbitkan di Malaysia dan bukannya di tempat lain; atau
- b) karya atau persembahan secara langsung itu mula-mulanya diterbitkan di tempat lain tetapi diterbitkan di Malaysia dalam masa 30 hari dari penerbitan di tempat lain itu.

Seksyen 4(4):

Jika pada mulanya hanya sebahagian sahaja daripada sesuatu karya atau persembahan secara langsung diterbitkan, maka bahagian itu hendaklah bagi maksud Akta ini disifatkan sebagai suatu karya berasingan atau persembahan secara langsung berasingan, mengikut mana-mana yang berkenaan.

Seksyen 6:

“Tertakluk kepada Akta ini, tiada hakcipta boleh wujud kecuali menurut kuasa Akta ini”.

Seksyen 7(3)(a):

“Sesuatu karya sastera, muzik atau seni tidaklah layak mendapat hakcipta melainkan usaha yang mencukupi telah dilakukan untuk menjadikan karya itu bersifat asli”.

Seksyen 7(3)(b):

“Sesuatu karya sastera, muzik, atau seni tidaklah layak mendapatkan hakcipta melainkan karya itu telah ditulis, direkod atau selainnya dijadikan dalam bentuk bahan”.

Seksyen 8(1):

Karya-karya terbitan berikut adalah dilindungi sepertimana karya asal:

- a) terjemahan, penyesuaian, susunan dan perubahan lain karya yang layak bagi hakcipta; dan
- b) koleksi karya-karya atau kumpulan data, sama ada dalam bentuk yang dapat dibaca oleh mesin atau bentuk lain sastera, yang layak mendapat perlindungan hakcipta disebabkan oleh pemilihan dan susunan kandungannya telah menjadikannya suatu hasil ciptaan intelek.

Seksyen 9(1):

Hakcipta wujud, tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta ini, dalam setiap edisi yang diterbitkan bagi mana-mana satu atau lebih karya sastera, seni atau muzik sama ada dalam hal:

- a) penerbitan pertama edisi itu berlaku di Malaysia; atau
- b) penerbit edisi itu adalah orang berkeelayakan pada penerbitan pertama itu.

Dengan syarat bahawa subseksyen ini tidak terpakai kepada suatu edisi yang mengeluarkan semula susunan tipografi edisi yang sebelumnya karya atau karya-karya yang sama.

Seksyen 9(4):

Pengeluaran semula susunan tipografi suatu edisi yang diterbitkan bagi maksud-maksud penyelidikan, pengajian sendirian, kritikan, ulasan, atau pelaporan peristiwa-peristiwa semasa tidak melanggar hakcipta yang wujud mengikut kuasa seksyen ini jika pengeluaran semula itu bersesuaian dengan urusan yang wajar;

Dengan syarat jika pengeluaran semula itu diumumkan kepada awam ia hendaklah disertai dengan satu perakuan tajuk karya itu dan penciptaannya, kecuali jika karya itu dimasukkan secara sampingan dalam sesuatu siaran.

Seksyen 9(5):

Kerajaan, Arkib Negara, atau mana-mana Arkib Negeri, Perpustakaan Negara, atau mana-mana perpustakaan Negeri, atau mana-mana

perpustakaan awam dan institusi-institusi pelajaran, sains atau profesional, seperti yang ditetapkan oleh Menteri melalui perintah, boleh mengeluarkan semula susunan tipografi suatu edisi yang diterbitkan tanpa melanggar hakcipta yang wujud menurut kuasa seksyen ini jika pengeluaran semula itu adalah demi kepentingan awam dan bersesuaian dengan urusan yang wajar dan peruntukan mana-mana peraturan.

Seksyen 10(1):

Hakcipta wujud dalam tiap-tiap karya yang layak mendapat hakcipta yang mana pencipta atau dalam hal karya ciptaan bersama, mana-mana daripada pencipta itu adalah seorang yang berkelayakan semasa karya itu dibuat.

Seksyen 13(1):

Hakcipta mengenai karya sastera, muzik, atau seni, filem, rakaman bunyi atau karya terbitan adalah hak eksklusif bagi mengawal dalam Malaysia:

- (a) pengeluaran semula karya dalam apa juga bentuk bahan;
- (aa) penyampaian karya kepada orang awam;
- (b) pertunjukan, tayangan atau permainan kepada orang awam;
- (c) (*Dipotong*);
- (d) (*Dipotong*);
- (e) pengedaran salinan-salinan karya kepada orang awam melalui penjualan atau pemindahan pemunyaan secara lain; dan

(f) penyewaan karya secara komersil kepada orang awam,

keseluruhan atau sebahagian besar karya itu, sama ada dalam bentuk asal atau bentuk terbitan dengan syarat bahawa, tanpa menjejaskan perenggan (e), hak eksklusif untuk mengawal pengedaran salinan-salinan hanya merujuk kepada perbuatan mengedarkan salinan-salinan yang tidak diedarkan di Malaysia sebelum ini dan tidak kepada mana-mana pengedaran kemudiannya salinan-salinan itu atau apa-apa pengimportan kemudiannya salinan-salinan itu ke dalam Malaysia.

Seksyen 15(1):

memperuntukkan bahawa hakcipta bagi sesuatu siaran adalah hak eksklusif untuk mengawal rakaman, pengeluaran semula, dan penyiaran semula, keseluruhan atau sebahagian besar siaran itu, dan pertunjukan, tayangan atau permainan kepada awam di tempat yang mengenakan bayaran masuk, bagi keseluruhan atau sebahagian besar sesuatu siaran televisyen sama ada dalam bentuk asalnya atau dalam apa-apa bentuk yang boleh dikenali sebagai telah diambil daripada yang asalnya.

Seksyen 16A(1):

Hak pelaku ialah hak eksklusif untuk mengawal di Malaysia:

a) penyampaian kepada orang awam sesuatu persembahan secara langsung; kecuali jika persembahan secara langsung yang

digunakan dalam penyampaian kepada orang awam itu sendiri ialah suatu persembahan secara langsung;

- b) penetapan bagi sesuatu persembahan yang belum ditetapkan;
- c) pengeluaran semula penetapan sesuatu persembahan secara langsung jika:
 - i) penetapan itu sendiri telah dibuat tanpa persetujuan pelaku;
 - ii) pengeluaran semula itu dibuat bagi maksud yang berbeza daripada yang telah dipersetujui oleh pelaku; atau
 - iii) penetapan itu dibuat menurut peruntukan subseksyen (3), dan pengeluaran semulanya dibuat bagi maksud yang berbeza daripada yang disebut dalam peruntukan itu;
- d) menjadikan tersedia untuk orang awam buat pertama kali suatu penetapan sesuatu persembahan langsung, atau salinannya, melalui jualan atau pindah hak milik pemunyaan lain; dan
- e) penyewaan kepada orang awam, penetapan sesuatu persembahan secara langsung atau, salinannya, tanpa mengira pemunyaan salinan yang disewa.

Seksyen 25(2):

“Tertakluk kepada seksyen ini, apabila hakcipta wujud dalam sesuatu karya, tiada seorangpun boleh tanpa persetujuan penciptanya, atau selepas kematian pencipta, wakil dirinya, melakukan atau membenarkan perlakuan mana-mana perbuatan yang berikut:

- a) Penyampaian karya itu dengan apa cara sekalipun, tanpa mengenal pasti pencipta atau di bawah suatu nama selain daripada nama pencipta karya itu; dan
- b) Perosakan, pencacatan atau pengubahsuaian yang lain akan karya itu jika perosakan, pencacatan atau pengubahsuaian itu:
 - i) mengubah karya itu dengan jelas; dan
 - ii) sedemikian rupa yang dengan munasabahnyanya boleh dianggap sebagai memudaratkan kehormatan dan reputasi pencipta.

Seksyen 25(4):

“Pencipta selepas kematiannya atau wakil dirinya, boleh menggunakan hak-hak yang diberikan oleh seksyen ini walaupun pada masa aduan terhadap perbuatan itu dibuat, hakcipta ke atas karya itu tidak terletak pada pencipta atau wakil diri, mengikut mana-mana yang berkenaan”.

Seksyen 36(2):

Pelanggaran terhadap hakcipta berlaku apabila seseorang, tanpa persetujuan atau lesen tuan punya hakcipta itu, mengimport sesuatu artikel ke dalam Malaysia bagi maksud:

- a) menjual, menyewakan, atau dengan cara dagangan, menawarkan atau mendedahkan untuk jualan atau sewaan, artikel itu;
- b) mengedarkan artikel itu:
 - i) bagi maksud dagangan; atau

- ii) bagi apa-apa maksud lain ke takat yang akan memudaratkan pemilik hakcipta itu; atau
- c) dengan cara dagangan, mempamerkan artikel itu kepada awam,

jika dia mengetahui atau semunasabahnya patut mengetahui bahawa pembuatan artikel itu telah dijalankan tanpa persetujuan atau lesen tuan punya hakcipta itu”.

Seksyen 36(4):

Pelanggaran terhadap hakcipta berlaku apabila mana-mana orang dengan disedarinya melakukan mana-mana daripada perbuatan yang berikut dengan menyedari atau dengan mempunyai sebab yang munasabah untuk menyedari bahawa ia akan mendorong, membolehkan, memudahkan atau menyembunyikan suatu pelanggaran apa-apa hak di bawah Akta ini:

- a) pembuangan atau pengubahan apa-apa maklumat pengurusan hak elektronik tanpa kebenaran;
- b) pengedaran, pengimportan untuk pengedaran atau penyampaian kepada orang awam, tanpa kebenaran, karya atau salinan karya dengan menyedari bahawa maklumat pengurusan hak elektronik telah dibuang atau diubah tanpa kebenaran.

Seksyen 41(1):

Jika tatkala hakcipta wujud dalam sesuatu karya atau hak pelaku wujud, mana-mana orang yang:

- a) membuat untuk jualan atau sewaan apa-apa salinan langgaran;
- b) menjual, menyewakan atau secara dagangan, mendedahkan atau menawarkan untuk dijual atau disewakan apa-apa salinan langgaran;
- c) mengedarkan salinan-salinan langgaran;
- d) memiliki, bagi apa-apa kegunaan selain daripada untuk kegunaan persendirian dan domestik, apa-apa salinan langgaran;
- e) dengan cara dagangan mempamerkan pada awam apa-apa salinan langgaran;
- f) mengimport ke dalam Malaysia, selain daripada bagi kegunaan persendirian dan domestiknya, sesuatu salinan langgaran;
- g) membuat atau ada dalam miliknya apa-apa perekaan yang digunakan atau bertujuan untuk digunakan bagi maksud membuat salinan langgaran;
- h) memintas atau menyebabkan dipintas apa-apa langkah teknologi berkesan, seperti yang disebut dalam seksyen 36(2);
- i) membuang atau mengubah apa-apa maklumat pengurusan hak elektronik tanpa kebenaran; atau
- j) mengedarkan, mengimport untuk pengedaran atau menyampaikan kepada orang awam, tanpa kebenaran, karya atau salinan karya, yang berkenaan dengannya maklumat pengurusan hak elektronik telah dibuang atau diubah tanpa kebenaran.

Lampiran 2

Jadual I dan II, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984

JADUAL I

(subseksyen (2) seksyen 3)

Ceparas, Litografi, Gravur, Intaglio atau apa-apa proses percetakan lain yang boleh mencetak dengan kadar 1,000 teraan sejam atau lebih.

JADUAL II

(subseksyen (2) seksyen 4)

Kamun Kesseksaan

Seksyen 255	...	Melancung cap Kerajaan
Seksyen 292	...	Menjual dsb. buku lucah, dsb.
Seksyen 298A	...	Menyebabkan dsb. ketakharmonian, perpecahan atau perasaan benci, marah, niat jahat atau memudaratkan dsb. pengekalan keharmonian atau perpaduan atas alasan agama.
Seksyen 464	...	Membuat dokumen palsu
Seksyen 466	...	Pemalsuan rekod mahkamah, atau Daftar Beranak, dsb. awam.
Seksyen 467	...	Pemalsuan cagaran berharga atau wasiat.
Seksyen 468	...	Pemalsuan bagi maksud menipu.

Seksyen 469	...	Pemalsuan bagi maksud merosakkan reputasi mana-mana orang.
Seksyen 489A	...	Memalsu atau melancarkan wang kertas matawang atau wang kertas bank.
Seksyen 499	...	Fitnah
Seksyen 501	...	Mencetak atau mengukir perkara yang diketahui memfitnahkan.

Akta Hasutan 1948

Seksyen 4 (1) (c)	...	Mencetak apa-apa penerbitan menghasut
-------------------	-----	---------------------------------------

Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960

Seksyen 24	...	Mencetak dokumen tegahan
------------	-----	--------------------------